

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. :

04/A/SM/UP/907/7 Jil. 2

7 Mac 2011

Kepada Semua Seperti Edaran

SURAT EDARAN MPOB BILANGAN 2 TAHUN 2011

Dr. / Tuan / Puan

KEAHLIAN PEGAWAI DI DALAM KELAB GOLF DAN KELAB REKREASI SWASTA SECARA KEHORMAT ATAU NOMINEE SERTA PENGGUNAAN KEMUDAHAN SECARA PERCUMA DI KELAB TERSEBUT OLEH BADAN ATAU PERSATUAN JABATAN

1. TUJUAN

Surat Edaran ini bertujuan untuk memaklumkan kakitangan yang ditawarkan keahlian di dalam kelab golf dan kelab rekreasi swasta secara kehormat atau nominee **serta** penggunaan kemudahan secara percuma di kelab tersebut oleh Badan atau Persatuan Jabatan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat **Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) Peringkat Kebangsaan Siri 3 Bil. 3 Tahun 2010** pada 25 hingga 26 Oktober 2010 yang dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengarahkan Kementerian dan Kerajaan Negeri melaksanakan pemantauan dan penyimpanan rekod mengenai keahlian pegawai awam di dalam kelab golf dan kelab rekreasi swasta secara kehormat atau nominee **serta** penggunaan kemudahan secara percuma di kelab tersebut oleh Badan atau Persatuan Jabatan. Ini selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2000 seperti dalam lampiran.

- 2.2 Keahlian secara kehormat atau nominee bermaksud mana-mana pegawai yang ditawarkan untuk menjadi ahli samada sebagai Penaung, Pengerusi, Penasihat, atau ahli Jawatankuasa kelab yang ditawarkan serta menikmati segala kemudahan tanpa dikehendaki membayar yuran keahlian atau yuran bulanan atau kedua-duanya sekali.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, kakitangan yang menerima tawaran tersebut / Badan atau Persatuan yang menggunakan kemudahan tersebut hendaklah memaklumkan kepada Pengurusan dengan mengisi borang seperti di **LAMPIRAN A, B, C**. Borang hendaklah dikemukakan kepada Ketua Unit Sumber Manusia **melalui** Pengarah Bahagian masing-masing untuk kelulusan Ketua Pengarah MPOB.
- 2.4 Pemantauan akan dilakukan dari semasa ke semasa berhubung pemakaian pekeliling ini.

3. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini telah diterimapakai melalui Mesyuarat Lembaga MPOB ke 12 dan berkuatkuasa mulai 23 Januari 2002.

Sekian, harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Benar,



(DATUK DR. CHOO YUEN MAY)
Ketua Pengarah
MPOB